



Rujukan Kami : UPNM (FSTP) 05.16/01 (6)
Tarikh : 9 Jun 2021

Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera,

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan,

MAKLUMAN PENAWARAN PROGRAM SARJANA SAINS KESELAMATAN SIBER DAN PENGURUSAN (*MSc IN CYBER SECURITY AND MANAGEMENT*) DI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)

Merujuk kepada perkara di atas dengan segala hormatnya.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan (FSTP), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) menawarkan program akademik baharu iaitu Sarjana Sains Keselamatan Siber dan Pengurusan (*MSc in Cyber Security and Management*). Mod penawaran program ini adalah mod kerja kursus dan pengajian akan dijalankan secara modular serta mod pengajian adalah secara sepenuh masa atau separuh masa.

3. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan juga, maklumat lanjut berkenaan dengan program sarjana ini adalah seperti berikut:

- i. Pengambilan pelajar baharu bagi program ini telah pun dibuka dan program akademik bagi Semester 1, Sesi Akademik 2021/2022 **akan bermula pada bulan September 2021**.
- ii. **Mod pengajian secara modular** akan dijalankan pada setiap minggu mengikut jadual yang telah ditetapkan. Jumlah keseluruhan kredit kursus sebanyak 41 jam kredit. Program ini akan tertumpu kepada kaedah pembelajaran dan pengajaran kuliah secara bersemuka/secara dalam talian, tutorial, amali dan tugas berkumpulan serta pembentangan projek kajian kes.
- iii. **Yuran pengajian program ini bagi pengambilan sepenuh masa adalah sebanyak RM 18,135.00 untuk pelajar tempatan manakala RM 24,022.00 untuk pelajar antarabangsa.** Sebarang perubahan berkenaan dengan yuran pengajian ini adalah tertakluk kepada pindaan universiti.
- iv. **Syarat kelayakan masuk** adalah seperti berikut:
 - a. Lulus Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6 KKM) dalam bidang Komputeran atau bukan Komputeran dengan PNGK minimum 2.75; ATAU
 - b. Lulus Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6 KKM) dalam bidang Komputeran atau bukan Komputeran atau yang setara dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK minimum 2.50 dan tidak mencapai PNGK 2.75 boleh diterima masuk bergantung kepada proses penilaian dalaman yang rapi; ATAU
 - c. Lulus Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6 KKM) dalam bidang Komputeran atau bukan Komputeran atau yang setara dengannya tetapi tidak mencapai PNGK 2.50 boleh diterima masuk tertakluk kepada minimum lima tahun pengalaman bekerja dalam bidang relevan

**MAKLUMAN PENAWARAN PROGRAM SARJANA SAINS KESELAMATAN SIBER DAN
PENGURUSAN (*MSc IN CYBER SECURITY AND MANAGEMENT*) DI UNIVERSITI
PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA (UPNM)**

Nota: Calon Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6 KKM) bukan Komputeran boleh diterima masuk dengan syarat mereka perlu mengambil modul prasyarat sebagai persediaan awal pengajian lanjutan mereka.

4. Sehubungan itu, pihak fakulti amat berbesar hati untuk mempelawa calon pelajar yang berminat dan memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti yang dinyatakan di atas untuk memohon bagi mengikuti program pengajian ini. Kami juga berharap agar pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan dapat membuat hebahan di Jabatan YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan mengenai penawaran program akademik baharu ini. Bersama-sama ini disertakan **Borang Permohonan - Application Form for Graduates Studies (PPS01)** dan **Brosur Program Sarjana Sains Keselamatan Siber dan Pengurusan** untuk perhatian dan rujukan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan yang selanjutnya.

5. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai program Sarjana ini terutama mengenai permohonan dan syarat-syarat kemasukan pengajian, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan boleh menghubungi seperti senarai berikut:

- a. Prof. Madya Dr. Zuraini binti Zainol di talian 03-9051 3400 (samb: 2136/2064) dan emel zuraini@upnm.edu.my; atau
- b. Prof. Madya Dr. Mohd Fahmi bin Mohamad Amran di talian 03-9051 3400 (samb: 762 2033) dan emel fahmiamran@upnm.edu.my.

6. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh pihak YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“KEWAJIPAN, MARUAH, INTEGRITI”

Saya yang menjalankan amanah,


Lt Kdr Prof. Madya Ts. Dr. MOHD NORSYARIZAD BIN RAZALI TLDM (BERSARA)
Dekan
Fakulti Sains dan Teknologi Pertahanan
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia